



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE
INSOLVENCY (WINDING UP) RULES, 2018
INSOLVENCY (INSOLVENCY PRACTITIONERS) RULES, 2018**

The Ministry of Finance and Economy is pleased to announce that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam has consented for the introduction of the Insolvency (Winding Up) Rules, 2018 and Insolvency (Insolvency Practitioners) Rules, 2018 which are aimed to further strengthen the insolvency legal framework in Brunei Darussalam and are to take effect from 19 September 2018.

The Insolvency (Insolvency Practitioners) Rules, 2018 commences the provisions of Part VIII – Insolvency Practitioners and their qualifications in the Insolvency Order, 2016 and provides for the administration and supervision of insolvency practitioners who are tasked to increase the recovery rate of a company.

With the introduction of Insolvency (Insolvency Practitioners) Rules, 2018, the companies may nominate a liquidator that is registered with the authorising body to act and manage the insolvent company. Further information on application to act as a liquidator can be obtained at the Registry of Companies and Business Names, Ministry of Finance and Economy.

Further information regarding the Insolvency (Winding Up) Rules, 2018 and Insolvency (Insolvency Practitioners) Rules, 2018 are available on www.mof.gov.bn. The hardcopy of the Rules are available for sale at the Government Printing Department or alternatively they can be downloaded from the website of the Attorney General's Chambers at (www.agc.gov.bn).

**Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam**



Date: 12 Muharram 1440
22 September 2018



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR
INSOLVENCY (WINDING UP) RULES, 2018
*INSOLVENCY (INSOLVENCY PRACTITIONERS) RULES, 2018***

Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi *Insolvency (Winding Up) Rules, 2018* dan *Insolvency (Insolvency Practitioners) Rules, 2018* yang dihasratkan untuk mengukuhkan lagi rangka perundangan ketidaksolvenan di Negara ini yang akan berkuatkuasa mulai dari 19 September 2018.

Aturan Perintah Ketidaksolvenan (Pengamal Ketidaksolvenan), 2018 adalah bagi menguatkuasakan Bahagian VIII pada Perintah Ketidaksolvenan, 2016 yang mana mengandungi peruntukan-peruntukan bagi pengendalian serta pengawalseliaan pengamal-pengamal ketidaksolvenan.

Antaralainnya dengan penguatkuasaan Aturan Perintah Ketidaksolvenan (Pengamal Ketidaksolvenan), 2018 ini, syarikat-syarikat boleh memilih serta menetapkan seseorang pelikuidasi (*liquidator*) yang berdaftar untuk diberikuasa di dalam pengurusan syarikat yang tidak solven.

Bagi permohonan untuk mendaftar sebagai pelikuidasi (*liquidator*), maklumat lanjut boleh didapati di Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Maklumat lanjut mengenai dengan Aturan-Aturan tersebut boleh didapati di www.mof.gov.bn. Salinan Perintah ini boleh dibeli di Jabatan Percetakan Kerajaan ataupun dengan memuat turun daripada laman sesawang Pejabat Peguam Negara di www.agc.gov.bn.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 12 Muharram 1440
22 September 2018

